



PESAN AYAH

Lelaki mengingak usia tua itu selalu bermain dengan analogi apabila bercerita tentang sesuatu. Ada sahaja gambaran yang diceritakan untuk menarik minat si anak yang mendengar agar setiap nasihat yang diselitkan mudah dihadam. Cakap-cakap lelaki tua itu sentiasa menghidupkan si anak muda yang bakal tua.

Cerita 1 Analogi Semut

Aku kata: "Macam-macam dah sekarang ini kan ayah. Banyak kes rasuah. Duit punya pasal, nak hidup senang punya cita, sebab nak perut selesa. Kita berbalah-balah. Kita dah tiada rasa takut buat salah."

"Cuba tengok semut apabila berjumpa gula, macam mana? Ada yang mampu bawa balik gula dengan selamat. Ada yang terkial-kial tidak jumpa jalan keluar. Lagi

parah, ada yang mati tertimbus gula akibat lemas dalam nikmat. Begitulah manusia.

Boleh jadi kita belum 'senang' seperti yang kita mahu dan impikan kerana Allah telah pun mahu menjaga kita daripada menjadi seperti semut itu!"

"Kadang-kadang banyak tidak semestinya selamat, namun sedikit pastinya berkat apabila kita syukur apa yang kita ada. Eh samalah, gula dalam makanan kita pun. Yang terlebih manis, yang terlebih masin itu juga yang menjemput parah dan membunuh! Bahaya terlebih ini."

"Kalau yang sikit pun kita masih tidak pandai nak urus, tidak reti nak bersyukur, macam mana kalau dah banyak esok lusa. Sebab itu, belajar menerima dan mengurus yang sedikit dahulu. Itu sahaja. Usaha lebih pun bukanlah salah, tetapi ingat biarlah kena cara," beritahu ayah.


Cerita 2 Analogi Pokok Nyor

Aku kata: "Tak tahulah sebenarnya mampu ke tidak, layak ke nak buat ini ayah. Rasa macam tiada ilmu, tidak cukup pun."

"Pokok nyor bukan tumbuh sehari dua kan? Lama masa dia nak membesar. Nak boleh tinggi dengan macam-macam manfaat yang manusia guna. Samalah kita pun.

Perlu ada usaha, ilmu, pengalaman jatuh, pengalaman bangun, perlu belajar berkorban dan banyak lagi untuk melayakkan kita memudahkan berbakti kepada orang. Lagi seronok, semua itu tidak datang dalam masa sehari, tetapi memakan masa. Sebab itu kita ini hakikatnya sedang belajar setiap hari."

"Lagi satu, cuba perhati betul-betul pokok nyor itu. Meski mungkin tak berbuah lagi, tetapi daunnya masih berguna untuk kita. Atau sekalipun buahnya tidak elok,



+

Orang yang baik, fikirkan orang lain, bukan diri sendiri sahaja. Orang yang baik cuba membaiki orang lain. Baik itu bersama-sama, bukannya bersendirinya."



WAN NOR ZADILAH

B.A. Bahasa Arab & Komunikasi
Universiti Sains Islam
Malaysia

STAT

tetapi sabutnya masih elok.

Haa...kita pun begitu. Kena belajar daripada pokok nyor, hidup penuh bakti. Tinggi-tinggi tetapi tidak lupa diri. Tinggi-tinggi yang tidak berhenti memberi. Barulah kualiti diri kita pun tinggi. Belajar memberi dengan apa yang ada dahulu sebab kita sentiasa dalam proses membesar dan meninggi macam pokok nyor tadi."

"Tiada apa pun. Jangan nak bersedih sangat kalau tidak reti, tidak tahu itu ini. Manusia memang tidak tahu, tetapi disebabkan belajar itulah kita jadi reti. Belajar bukan boleh sehari dua. Kena selalu. Dari muda sampai ke tua. Masa itulah membina kita dengan syarat kita membina masa!" pesan ayah.

Cerita 3 Analogi Batu Bata

Aku kata: "Ayah, jadi orang yang baik ini ujian Allah ke?"
"Ala...cuba tengok batu bata

yang tersusun kemas, yang jadi dinding rumah. Masa batu bata tu sendiri memang akan ada potensi pecah, retak atau tidak pun boleh sahaja tidak berguna langsung. Tetapi bila dah berkumpul, bersatu, berpakat, kukuhlah dinding. Sebab itu hidup ini kena berteman, baru kita akan jadi kuat."

"Belum cukup baik jika kita hanya di rumah, tetapi lebih baik apabila bersama orang lain, turun ke lembah masyarakat, bercampur dengan orang lain dan buat kebaikan bersama. Orang yang baik, fikirkan orang lain, bukan diri sendiri sahaja. Orang yang baik cuba membaiki orang lain. Baik itu bersama-sama, bukannya bersendirinya."

"Apa guna berzikir sampai sebatu dengar, tetapi kita tidak

peduli langsung dengan hal orang lain. Bukankah ramai lagi orang di luar yang perlukan teguran? Ramai yang jahil tentang Islam. Kita yang tahu perlu beritahu kepada orang yang tidak tahu. Kita tahu ini pun sudah kebaikan Allah kepada kita. Lagi teruk kita yang dah tahu tapi tidak sampaikan."

"Tengok contoh Rasulullah. Baginda tidak fikir diri sendiri, tetapi selalu fikir hal orang lain, hal umatnya. Dalam urusan agama, dalam pergaulan, hal orang lain mesti jadi keutamaan Baginda."

"Lagi satu bila hidup ini, jangan lari daripada orang. Jangan juga sampai orang lain lari daripada kita. Faham tak ni?" ayah mengusik.

Begitulah ayah. Ada sahaja analoginya. Pada anak, analogi itu adalah ilmu. Semoga Allah berkatinya ayah. Amin. **Q**